

01/08/2002

PM letak kalungan bunga sempena Hari Pahlawan

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meletak kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena sambutan Hari Pahlawan 2002 peringkat kebangsaan, hari ini.

Hari Pahlawan 2002 turut disambut pada peringkat negeri bagi mengenang dan menghargai jasa pahlawan yang terkorban serta cedera ketika mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara.

Perdana Menteri yang tiba pada jam 8 pagi, memeriksa barisan kehormat seramai 103 anggota Rejimen Askar Melayu Diraja dipimpin Mejar Abu Samah Mohd Nor selepas menerima 'Hormat Perdana'.

Tiupan bugle 'Last Post' memulakan upacara sambutan, diikuti penurunan bendera Jalur Gemilang dan bacaan sajak 'Pahlawan Ku' yang disampaikan penciptanya Mejar (B) Mohamad Awang, diiringi muzik pancaragam Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Upacara meletak kalungan itu didahului Dr Mahathir, diikuti Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Jeneral Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Turut meletak kalungan bunga ialah Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Mohamed Hashim Hussein; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Suleiman Mahmud.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Datuk Mohamad Abdul Ghani dan Presiden Persatuan Bekas-bekas Polis, Datuk Mansor H M Mohd Jaafar turut diberi penghormatan meletakkan kalungan bunga.

Upacara itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, barisan anggota Kabinet, wakil kedutaan asing, pegawai kanan polis dan tentera.